

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR (DM)
MAJLIS SAMBUTAN PULANG EKSPEDISI MUHIBAH 1992
23 OGOS 1992

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis; Yang Mulia Tunku Dato Seri Hamdah bt Tunku Besar Burhanuddin, Naib Yang di-Pertua Persatuan Pandu Puteri; Puan Nik Faizah bt. Nik Mustapha, Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia; Puan Puteh Sawyah bt Buyong, Pengerusi Jawatankuasa Induk Ekspedisi Muhibah 1992; Yang Berbahagia Datin Hajah Nor Azian bt Abd Wahab, Ketua Ekspedisi; Peserta-peserta Ekspedisi, Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Tahun ini Persatuan Pandu Puteri menyambut 75 tahun kependuan di Malaysia. Untuk memeriahkan sambutan ini, Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Kelab Renjer Pandu Puteri Malaysia menganjurkan acara ekspedisi menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia dengan berkereta.

2. Ekspedisi ini telah dimulakan pada 14 Ogos dari Litar Lumba Kereta, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

3. Ekspedisi ini kemudian bergerak ke Selatan menuju ke Seremban, Melaka, Johor, dan ke Pantai Timur ke Pahang, Terengganu, Kelantan sebelum ke Utara ke Kedah, Perlis, dan kemudian ke Pulau Pinang, Perak dan hari ini sampai ke Kuala Lumpur di Dataran Merdeka ini, setelah berada di atas jalan selama sembilan hari.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Saya berasa bangga hari ini kerana dapat menyambut pulang rombongan Ekspedisi Muhibah 1992 ke Kuala Lumpur.

5. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya semua anggota di dalam ekspedisi ini pulang dengan selamat.

6. Mereka telah mencipta satu sejarah di dalam arena kependuan. Ini adalah kali yang pertama Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Kelab Renjer Pandu Puteri Malaysia menganjurkan acara yang sebegini rupa. Saya ucapkan syabas kepada penganjur dan pengelola ekspedisi ini di atas kegigihan usaha dan kejayaan mereka ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Ekspedisi ini telah mencapai matlamatnya. Ianya telah dapat menjalinkan tali silaturrahim dan muhibah di kalangan peserta di sepanjang penjelajahannya. Ekspedisi ini juga telah membolehkan para peserta melihat keindahan alam Malaysia dengan lebih dekat. Kita akan merasa bangga dan cintakan negara hanya setelah kita dapat mengenal tanahair kita sendiri. Betapa untungnya nasib kita kerana mempunyai sebuah negara yang indah permai.

8. Di dalam tempoh menjelajah ini banyak peristiwa pahit dan manis telah dialami. Pengalaman ini telah menjadi kenangan di dalam hidup peserta semua. Gunakanlah pengalaman yang diperolehi ini untuk menempuh hidup masa depan supaya lebih bahagia dan selamat.

9. Ekspedisi ini juga telah menimbulkan perasaan saling bantu membantu dan sayang menyayang di antara satu dengan lain. Ianya dapat mengeratkan lagi ikatan perpaduan dan hubungan menjalinkan silaturrahim yang akan membawa kebahagiaan dan kesejahteraan kepada peserta semua.

10. Ekspedisi ini dapat melahirkan sikap terbuka dan tabah menghadapi masalah dan meningkatkan lagi daya ketahanan diri dan pemikiran yang positif dan membangun dalam menempuh cabaran hidup.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Semoga, sehingga ke ulangtahun kepanduan yang akan datang, Pergerakan Pandu Puteri di negara ini akan bertambah cemerlang dengan aktiviti-aktiviti yang lebih dinamik dan bermanfaat kepada pergerakan dan negara.

12. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam melaksanakan ekspedisi ini baik daripada segi kebendaan, wang ringgit mahupun tenaga.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang saya menutup Ekspedisi Muhibah 1992 dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.